

Bahagian A

Jawab semua soalan.

1. Maklumat berikut berkaitan dengan maksud tamadun dalam bahasa Yunani.

Pengertian tamadun dalam konteks bahasa diambil daripada perkataan Yunani, iaitu *civitas* yang bermaksud bandar atau kota.

Apakah aspek kemajuan manusia yang berkaitan dengan maklumat tersebut?

- A Kesenian C Kebudayaan
B Pertanian D Perlombongan

2. Apakah maksud tamadun yang berkaitan dengan bahasa Arab?

- A *umran* C *madana*
B *hadari* D *madaniyyah*

3. Maklumat berikut berkaitan dengan maksud tamadun.

Maksud tamadun dalam pelbagai bahasa

- Bahasa Yunani
- Bahasa Arab
- Bahasa Melayu

Apakah persamaan yang jelas antara maksud tersebut?

- A Pembangunan lahiriah dan rohaniyah manusia
B Kepercayaan yang diamalkan oleh sesuatu masyarakat
C Penciptaan barangan untuk menunjukkan kemajuan
D Kemajuan masyarakat dalam membina kehidupan yang lebih baik

4. Apakah prinsip nilai yang berkaitan dengan konsep tamadun, iaitu *hadharah* yang dijelaskan oleh Ibn Khaldun?

- A Adab C Ibadah
B Syarak D Tingkah laku

5. Berdasarkan gambar tokoh berikut, iaitu Syed Muhammad Naquid Al-Attas.



Apakah bidang yang menjadi keutamaan dalam penulisan beliau?

- A Kemasyarakatan dan pembangunan
B Pemikiran dan peradaban
C Perbandaran dan kebudayaan
D Sejarah dan perbandaran

6. Apakah ciri-ciri utama tamadun awal dunia?

- I Teknologi
II Pembentukan bandar
III Penghasilan barang
IV Tempat kediaman
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

7. Perkembangan aktiviti pertanian menyebabkan wujudnya aktiviti perdagangan. Antaranya adalah perdagangan tempatan yang bermaksud

- A masyarakat dari tamadun berbeza bertukar-tukar barangan yang dikehendaki
B masyarakat melakukan pertukaran secara sistem barter

- C masyarakat di kota mendapatkan makanan dan barangan pertanian dengan menukarkan barangan kraf tangan
- D masyarakat luar bandar mendapatkan barangan dengan menukarkan bahan mentah


8. Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pemerintahan tamadun awal dunia.

Dalam sistem pemerintahan tamadun awal dunia, kerajaan telah dibentuk. Raja telah dibantu oleh golongan bangsawan dan pendeta.

Apakah perkara utama yang perlu ada bagi melicinkan pentadbiran?

- A Ketenteraan
- B Rukun Negara
- C Undang-undang
- D Agama dan kepercayaan

9. Gambar berikut ialah sebuah bandar pada zaman Tamadun Indus. Perkembangan bandar adalah bermula daripada petempatan kekal di kampung.



Apakah ciri bandar tersebut?

- A Politik yang stabil
- B Mempunyai landskap yang cantik
- C Bersambung antara satu sama lain
- D Pembinaan sistem perparitan dan pembentungan

10. Tamadun awal dunia juga telah mencapai kemajuan dalam bidang teknologi. Padankan berikut berkaitan hasil ciptaan untuk setiap tamadun **kecuali**


- A Tamadun Mesir–Piramid
- B Tamadun Indus–Negara-kota
- C Tamadun Mesopotamia–Babylon
- D Tamadun Huang He–Penciptaan roda

11. Apakah kepentingan pengkhususan kerja yang diamalkan dalam sesuatu tamadun?

- A Tenaga buruh lebih ramai
- B Kepuasan pekerjaan dicapai
- C Meningkatkan jumlah penduduk
- D Menambahkan peluang pekerjaan

Soalan 12 dan 13

Rajah berikut merupakan organisasi sosial pada zaman Mesir Purba.



12. Apakah golongan yang termasuk di dalam kumpulan X?

- A Hamba
- B Artisan
- C Petani
- D Bangsawan

13. Apakah golongan yang termasuk di dalam kumpulan Y?

- A Wazir
- B Artisan
- C Karyawan
- D Pembantu rumah

14. Apakah tuhan yang dipercayai oleh masyarakat tamadun awal dunia?

- | | |
|----------------|-----------------|
| I Tuhan langit | III Tuhan bulan |
| II Bulan | IV Matahari |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

15. Penciptaan tulisan penting dalam membezakan Zaman Prasejarah dan sejarah. Apakah kepentingan tulisan dalam sesuatu tamadun?

- A Kemajuan dalam pendidikan
- B Kemajuan dalam teknologi
- C Menunjukkan taraf sesuatu tamadun
- D Menyimpan rekod dan perkara penting